

**[ARGUMENTATION OF HIFZ AL-NAFS THEORY IN MAQASID SYARI'AT: AN ANALYSIS FROM SELECTED SURAHS]****PENDALILAN TEORI HIFZ AL-NAFS DALAM MAQASID SYARI'AT:  
ANALISIS SURAH-SURAH PILIHAN**

MUHAMMAD MUSTAQIM BIN ROSLAN

Fakulti Pengajian Islam &amp; Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)

Email: [muhd.mustaqim@usas.edu.my](mailto:muhd.mustaqim@usas.edu.my)

---

*Received: 17<sup>th</sup> July 2023**Accepted: 6<sup>th</sup> October 2023**Published: 1<sup>st</sup> December 2023*

---

**Abstract**

*Hifz al-Nafs* is a theory that falls under the Maqasid Shari'ah knowledge division. Classical scholars frequently define it as protecting life by enacting qisas punishment. However, scholars after him expanded on his definition because the term *Hifz al-Nafs* is not specifically (*qat'i*) defined in the Qur'an and Sunnah. As a result, this article is written with the intention of reviewing the theory of *Hifz al-Nafs* as found in the Quran and Sunnah, with support from past and contemporary scholars. The study's philosophy is interpretive, as evidenced by the use of a qualitative approach in adapting the study design. Meanwhile, the document content analysis method is used in this study for data collection and analysis. The findings show that all of the evidences examined by the researcher under the *Hifz al-Nafs* theory are for the purpose of saving lives. It means that this theory refers to the scope of self-care that falls under the physical dimension. If this scope is not properly maintained, it will undoubtedly have an immediate impact on human life. Three of the five evidences examined in relation to the theory of *Hifz al-Nafs* from the physical dimension in order to save this life are related to Allah SWT's prohibition on killing people. Furthermore, the final two evidences concern Allah SWT's punishment for the murderer in order to save the human being. This study suggests that *Hifz al-Nafs*' evidences be expanded in its discussion so that it can bring a new concept in addition to saving lives in the physical dimension.

**Keywords:** *Hifz al-Nafs, Maqasid Shari'ah, Evidences, Selected Surahs, Theory*

**ABSTRAK**

*Hifz al-Nafs* adalah teori yang berada di bawah pecahan ilmu Maqasid Syari'at. Ia sering ditakrifkan sebagai menjaga nyawa dengan diperundangkan hukuman qisas oleh ahli-ahli ilmuan klasik. Namun begitu, takrifannya diperluaskan oleh ahli-ahli ilmuan selepasnya disebabkan terma *Hifz al-Nafs* itu sendiri tidak dijelaskan secara *qat'i* di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Oleh yang demikian, artikel ini dihasilkan bertujuan untuk menyelusuri pendalilan teori *Hifz al-Nafs* yang terdapat di dalam al-Quran dan al-Sunnah dengan sokongan daripada pandangan ulama-ulama silam dan kontemporari. Falsafah di sebalik kajian ini adalah interpretif dengan menggunakan pendekatan kualitatif dalam mengadaptasi reka bentuk kajian. Manakala kaedah pengumpulan dan analisis data dalam kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dokumen. Hasil dapatan menunjukkan bahawa kesemua pendalilan yang telah dianalisis pengkaji di bawah teori *Hifz al-Nafs* itu adalah demi untuk menyelamatkan nyawa. Hal ini bererti, teori ini merupakan skop menjaga diri yang berada di bawah dimensi jasmani. Sekiranya skop ini tidak dijaga dengan baik, ia pasti akan memberikan

kesan kepada nyawa manusia serta-merta. Lima dalil yang dianalisis berkaitan dengan teori *Hifz al-Nafs* daripada dimensi jasmani demi menyelamatkan nyawa ini, terdapat tiga dalil daripadanya berkaitan larangan Allah SWT untuk membunuh diri manusia. Selain itu, baki dua dalil daripadanya pula adalah berkaitan hukuman Allah SWT ke atas pembunuhan demi menyelamatkan diri manusia itu sendiri. Kajian ini mencadangkan agar pendalilan *Hifz al-Nafs* itu diperluaskan lagi perbincangannya agar ia dapat membawa suatu konsep baharu selain menyelamatkan nyawa yang berada di bawah dimensi jasmani.

**Kata kunci:** Hifz al-Nafs, Maqasid Syari‘at, Pendalilan, Surah-Surah Pilihan, Teori

## PENDAHULUAN

Perkataan *Hifz al-Nafs* dalam *Maqasid Syari‘at* merupakan istilah yang tidak asing lagi diguna pakai oleh ilmuan Islam khususnya dalam bidang Usul Fiqh. Mereka sering mentakrifkan istilah *Hifz al-Nafs* ini sebagai menjaga nyawa dengan diperundangkan hukuman qisas adalah untuk menjaga nyawa daripada hilang, menjaga keselamatan diri daripada dicabuli, menggerunkan orang yang bercita-cita untuk melakukan jenayah bunuh atau cedera dan menghalang orang yang pernah melakukannya agar tidak mengulanginya. Hal ini adalah hikmah umum dan maslahat jelas yang dipelihara oleh syarak. Demikianlah pandangan al-Juwayni (2003) dalam menghuraikan pandangan Imam Syafii terhadap teori *Hifz al-Nafs* itu. Hal ini dapat disokong oleh firman Allah SWT yang bermaksud:

“Kami telah menetapkan bagi mereka di dalamnya (Taurat) bahawa nyawa (dibalas) dengan nyawa, mata dengan mata, hidung dengan hidung, telinga dengan telinga, gigi dengan gigi, dan luka-luka (pun) ada qisas nya (balasan yang sama). Barang sesiapa melepaskan (hak qisas)nya, maka itu (menjadi) penebus dosa baginya. Barang sesiapa tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah SWT, maka mereka itulah orang-orang zalim”. (Q.S. Al-Ma’idat: 5: 45)

Namun begitu, takrifan *Hifz al-Nafs* ini telah diperluaskan skop takrifan dan perbincangannya oleh para ilmuan dalam literatur mereka. Hal ini adalah disebabkan terma *Hifz al-Nafs* itu sendiri tidak dijelaskan secara *qat‘i* di dalam al-Quran dan al-Sunnah (Mustaqim Roslan 2023). Menurut Abu Rayya (2012), terma *al-nafs* dan kata jamaknya *al-anfus* muncul sebanyak 266 kali di dalam al-Quran, namun ia adalah bersifat umum dan tidaklah merujuk kepada istilah *Hifz al-Nafs* itu sendiri. Jika dilihat pula dalam karya-karya Islam sepanjang zaman seperti al-Harith bin Asad al-Muhasibi, Abu Talib al-Makki, Abu Hamid al-Ghazali, Ibnu Qayyim al-Jawziyah, Ibnu Miskawayh, Said Hawwa’, ‘Uthman al-Najati dan sebagainya, mereka pula menterjemahkan teori *Hifz al-Nafs* itu sebagai *tazkiyat al-nafs* iaitu merujuk kepada penyucian jiwa (Abu Dardaa 2017). Hal ini dapat disokong oleh firman Allah SWT yang bermaksud:

“(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan “*dhikrullah*”. Ketahuilah dengan “*dhikrullah*” itu, tenang tenteramlah hati manusia”. (Q.S. Al-Ra‘d: 13: 28)

Sehubungan dengan itu, artikel ini dihasilkan bertujuan untuk menyelusuri pendalilan teori *Hifz al-Nafs* yang terdapat di dalam al-Quran dan al-Sunnah dengan sokongan daripada pandangan ulama-ulama silam dan kontemporari. Dengan adanya kajian ini, teori *Hifz al-Nafs* itu dapat difahami dari pelbagai sudut bersandarkan kepada pendalilan yang dianalisis daripada surah-surah terpilih dalam kajian ini. Hal ini sekali gus dapat menghindari daripada sifat kejumudan dalam memahami konsep sebenar terhadap teori *Hifz al-Nafs* itu sendiri dalam *Maqasid Syari‘at*. Pengkaji meyakini bahawa teori *Hifz al-Nafs* ini mempunyai pelbagai maksud yang berasas daripada sumber al-Quran dan al-Sunnah dan tidak hanya terarah kepada menjaga nyawa semata-mata. Namun sejauh manakah dakwaan tersebut, memerlukan kepada penelitian dalam artikel ini. Secara khususnya, artikel ini akan menjawab satu persoalan sahaja iaitu:

1. Apakah pendalilan teori *Hifz al-Nafs* dalam *Maqasid Syari‘at*?

## SOROTAN KAJIAN

Pengkaji telah menyoroti beberapa kajian lepas yang berlegar di bawah skop *Hifz al-Nafs* dalam *Maqasid Syari‘at* bagi memperkuatkannya lagi perbincangan kajian ini. Pertamanya, penulis mulakan dengan satu artikel jurnal pada tahun 2018 berjudul “**Tinjauan Maqasid Syari‘at pada Pasal 56 & 57 Kompilasi Hukum Islam tentang Izin Poligami**” oleh Budiman. Hasil dapatan menunjukkan izin poligami dalam Pasal 56 dan 57 KHI telah memenuhi unsur-unsur dalam *Maqasid Syari‘at*. Satu artikel jurnal bertajuk “**Tazkiyat al-Nafs dalam Kerangka Maqasid Syari‘at**” turut disoroti dalam kajian ini. Artikel ini disempurnakan oleh Abu Dardaa Mohamad, Salasiah Hanin Hamjah, Ahmad Irdha Mokhtar dan Mohamad Zulkifli Abd Ghani dalam Jurnal al-Hikmah pada tahun 2017. Hasil dapatan menunjukkan *tazkiyat al-nafs* ialah salah satu cabang *Maqasid Syari‘at* yang terkandung dalam *Hifz al-Nafs*.

Faizatul Najihah Mohd Azaman dan Faudzinain Badaruddin turut tidak terkecuali dalam memberikan sumbangannya dalam kajian mereka yang berjudul “**Nilai-Nilai Kerohanian dalam Pembangunan Modal Insan Menurut al-Ghazali**”. Kajian ini diterbitkan pada tahun 2016 dalam *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. Hasil dapatan menunjukkan terdapat tiga tema pembangunan modal insan al-Ghazali iaitu pembangunan modal insan, kerangka pembangunan modal insan dan nilai-nilai kerohanian. Dan yang terakhir ialah satu artikel jurnal berjudul “**Stratifikasi al-Maqasid al-Khamsat dan Penerapannya dalam Maslahat**” oleh Afridawati. Kajian ini merupakan jurnal *al-Qisthu* yang telah diterbitkan pada tahun 2015. Hasil dapatan menunjukkan hakikat daripada maslahat adalah terpeliharanya kemaslahatan manusia di dalam kehidupan dan terhindar daripada kerosakan yang terangkum dalam memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Jika melihat kepada kajian-kajian lepas ini, walaupun teori *Hifz al-Nafs* itu digunakan dalam perbincangan artikel dengan begitu tuntas, namun isu pendalilan teori *Hifz al-Nafs* secara khusus tidaklah diperincikan secara berfokus. Oleh yang demikian, ia membuka ruang kajian dalam artikel ini untuk melihat isu perbincangan yang diutarakan dengan lebih tuntas.

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah merujuk kepada cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk memastikan objektif dan matlamat kajian tercapai (Mustaqim Roslan 2023). Oleh itu, kajian ini telah mengatur metodologi kajian dan strategi-strategi yang akan digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data melalui tiga kaedah iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Falsafah di sebalik kajian ini adalah interpretif iaitu carian penjelasan tentang peristiwa-peristiwa sosial atau budaya yang didasari pada perspektif persekitaran yang dikaji (Muslim 2016). Selain itu juga, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam mengadaptasi reka bentuk kajian. Manakala kaedah pengumpulan dan analisis data dalam kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dokumen.

Kaedah analisis kandungan dokumen merupakan teknik yang digunakan untuk mendapatkan data dokumen. Menurut Krippendorff (2004) dan White & Marsh (2006), kaedah ini juga adalah teknik kajian yang digunakan bagi membuat kesimpulan yang boleh diulang dan sah daripada teks atau bahan lain yang bermakna bagi konteks yang digunakan. Kaedah ini diadaptasikan untuk mendapatkan data-data primer dan sekunder daripada tafsir dan syarah al-Quran, al-Sunnah, artikel-artikel jurnal, buku-buku ilmuan klasik dan kontemporari, kajian-kajian ilmiah pascasiswazah, kertas-kertas kerja persidangan dan semua dokumen yang berkaitan dengan kajian ini (Mustaqim Roslan 2023). Terdapat tujuh dalil yang terdiri daripada al-Quran dan al-Sunnah dijadikan sampel utama kajian ini iaitu daripada surah al-Nisa (ayat: 93), surah al-Isra (ayat: 31), hadis riwayat Bukhari (No. 5778), surah al-Baqarah (ayat: 178), surah al-Maidah (ayat: 45), surah al-Talaq (ayat: 6) dan surah al-Baqarah (ayat: 195). Kesemua dalil ini dipilih berdasarkan kepada keutamaan dan turut disokong oleh kajian-kajian lepas yang membicarakan secara khusus berkaitan dengan konsep *Hifz al-Nafs* ini.

### 1. Surah al-Nisa (Ayat: 93)

Allah SWT telah berfirman dalam surah al-Nisa' (ayat: 93) berkaitan dengan larangan Allah SWT untuk membunuh diri manusia. Allah SWT berfirman dalam ayat ini dengan maksudnya:

"Dan barang sesiapa membunuh seorang yang beriman dengan sengaja maka balasannya ialah neraka Jahanam, dia kekal di dalamnya, Allah SWT murka kepadanya dan melaknatnya serta menyediakan azab yang besar baginya". (Q.S. Al-Nisa': 4: 93)

Merujuk kepada dalil di atas, al-Qurtubi (2006) telah menukikan pandangan 'Atha dan al-Nakhai dalam tafsirnya bahawa, orang yang membunuh dengan sengaja itu ialah merujuk kepada orang yang membunuh dengan besi, seperti pedang, pisau besar dan hujung tombak atau seakan dengannya, seperti batu yang diasah sehingga tajam dan terhunus hingga dapat mengakibatkan kematian. Sebahagian ulama berpendapat bahawa yang dimaksudkan dengan membunuh yang disengajakan itu ialah setiap pembunuhan yang dilakukan dengan alat yang berunsur besi, batu, tongkat dan lainnya. Pendapat ini merupakan pernyataan jumhur ulama. Ibnu 'Asyur (1984) menjelaskan pandangan jumhur fuqaha di dalam kitabnya *Tafsir al-Tahrir*

*wa al-Tanwir* bahawa pembunuhan itu dapat dibahagikan kepada dua iaitu pembunuhan yang disengajakan dan tidak disengajakan. Tambah beliau lagi bahawa, terdapat juga dalam kalangan fuqaha yang menambah kategori membunuh yang ketiga iaitu pembunuhan yang mirip kepada disengajakan. Sesungguhnya pembunuhan yang disengajakan itu adalah ditemani dengan rasa permusuhan, dengan menggunakan alat yang biasanya dapat menghilangkan nyawa, baik secara langsung mahupun tidak seperti menggunakan senjata, kayu atau batu besar, atau melukai seseorang yang mengakibatkan kematian (Imaning Yusuf 2013).

Hal ini membuktikan bahawa konsep *Hifz al-Nafs* yang ingin diketengahkan daripada dalil ini ialah merujuk kepada larangan Allah SWT untuk membunuh diri manusia dalam keadaan yang disengajakan. Menurut Wahbah al-Zuhayli (2016), Allah SWT murka kepada pembunuhan yang disengajakan, melaknat perbuatan tersebut dan pastinya mereka ini akan menerima seksaan yang amat pedih di neraka Jahanam. Keadaan tersebut barangkali ialah dengan niat dan menggunakan alatan-alatan tajam untuk membunuh seperti pedang, pisau, tombak dan sebagainya. Pada hari ini, alatan-alatan pembunuhan itu lebih berteknologi tinggi dan ia juga termasuk dalam pembunuhan yang disengajakan. Hal ini bererti, tidak seharusnya seseorang mukmin itu saling membunuh antara satu sama lain melainkan dalam keadaan yang tidak disengajakan seperti kemalangan atau tersalah sasaran ketika berburu. Namun, pasti akan ada *diyat* atau tebusan seperti dalam kisah kematian saudara Miqyas bin Dhababat yang telah diceritakan oleh Mutawalli al-Sya‘rawi (1991) dalam kitab tafsirnya. Sesungguhnya dalil ini melarang umatnya untuk membunuh diri manusia demi menyelamatkan nyawa.

## 2. Surah al-Isra’ (Ayat: 31)

Firman Allah SWT dalam surah al-Isra’ (ayat: 31) turut dianalisis dalam menyelusuri konsep *Hifz al-Nafs* ini. Dalam ayat ini Allah SWT telah berfirman dengan maksudnya:

“Dan janganlah kamu membunuh anak-anakmu kerana takutkan kemiskinan. Kamilah yang akan memberi rezeki kepada mereka dan juga kepadamu. Sesungguhnya membunuh mereka adalah suatu dosa yang besar”. (Q.S. Al-Isra’: 17: 31)

Menurut Ibnu Kathir (2003), ayat di atas merupakan bukti kasih sayang Allah SWT kepada anak lebih besar daripada kasih sayang seorang ibu kepada anak kandungnya, sehingga Allah SWT melarang untuk membunuh manusia dalam firmannya ini. Sesungguhnya Allah SWT melarang hambanya membunuh anak sebagaimana orang-orang Jahiliah yang suka membunuh anak-anak perempuan mereka kerana takut akan memberikan beban dalam kehidupan mereka (Al-Tabari 2007). Al-Maraghi (2001) menjelaskan bahawa membunuh itu merupakan perbuatan yang dihitung sebagai dosa besar atas dua alasan. Pertama, kerana ia memutuskan keturunan dan kedua, ia melawan takdir Allah SWT dalam bentuk menghilangkan kewujudan alam yang telah Allah SWT ciptakan. Oleh yang demikianlah, manusia itu berkewajipan memelihara diri sendiri dan tidak melakukan maf sadah kepada orang lain dengan melakukan sesuatu yang boleh menghilangkan nyawanya (Khatijah Ismail & Ridzwan Ahmad 2017).

Hal ini membuktikan bahawa konsep *Hifz al-Nafs* yang ingin diketengahkan daripada dalil ini ialah merujuk kepada larangan Allah SWT untuk membunuh diri manusia khususnya anak-anak jika ditakuti miskin mahupun fakir. Itulah kebesaran dan keesaan Allah SWT dalam menyayangi hamba-hambanya adalah melebihi ibu bapa menyayangi anak-anaknya. Allah SWT memperingatkan bahawa larangan membunuh anak-anak perempuan ini kerana pada zaman Jahiliah anak-anak perempuan merupakan golongan yang tidak menerima harta warisan. Oleh kerana risau anak-anak perempuan ditimpa beban kehidupan akan datang, mereka telah membunuh anak-anak mereka dan ia merupakan larangan Allah SWT kerana rezeki itu adalah daripadanya. Menurut Ibnu ‘Asyur (1984), Allah SWT telah menetapkan rezeki setiap hamba yang diciptakan dan melarang pembunuhan yang pastinya hanya berasaskan nafsu. Sesungguhnya dalil ini melarang umatnya untuk membunuh diri manusia demi menyelamatkan nyawa walaupun berhadapan dengan kemiskinan dan kefakiran.

### **3. Hadis Riwayat Bukhari (No: 5778) & Muslim (No: 109)**

Konsep *Hifz al-Nafs* turut dianalisis daripada hadis Nabi SAW yang telah diriwayatkan oleh Bukhari (no: 5778) dengan maksudnya:

Telah menceritakan kepada kami ‘Abdullah bin ‘Abdul Wahhab telah menceritakan kepada kami Khalid bin al-Harith telah menceritakan kepada kami Syu’bat daripada Sulayman dia berkata: saya mendengar Dhakwan menceritakan daripada Abu Hurayrat daripada Nabi SAW beliau bersabda: “Barang sesiapa menjatuhkan diri dari gunung hingga membunuh jiwanya (bunuh diri), maka ia akan jatuh ke neraka Jahanam dan kekal serta abadi di dalamnya selama-lamanya. Barang sesiapa meneguk racun hingga meninggal dunia, maka racun tersebut akan berada di tangannya dan ia akan meneguknya di neraka Jahanam dan kekal serta abadi di dalamnya selama-lamanya. Dan barang sesiapa membunuh diri dengan (menusuk dirinya dengan) besi, maka besi itu akan ada di tangannya dan dia sendiri akan menghujamkan ke perutnya di neraka Jahanam. Begitu juga ia kekal dan abadi di dalamnya selama-lamanya”. (H.R. Bukhari: 5778)

Selain daripada hadis di atas, terdapat juga riwayat lain di dalam hadis riwayat Muslim (no: 109) yang mana riwayatnya hampir sama dengan hadis di atas. Nabi SAW pernah bersabda dengan maksudnya:

“Sesiapa yang membunuh diri dengan besi, maka di neraka Jahanam nanti besi itu selalu di tangannya, ia menusuk-nusukkannya ke perutnya selama-lamanya. Dan barang sesiapa membunuh diri dengan meminum racun, maka di neraka Jahanam nanti ia akan terus meminumnya selama-lamanya. Dan barang sesiapa membunuh diri dengan menjatuhkan diri dari gunung, maka di neraka Jahanam nanti, ia akan menjatuhkan (dirinya) selama-lamanya”. (H.R. Muslim: 109)

Menurut Ibnu Hajar al-Asthqalani (2011), beliau telah memperincikan tentang larangan bunuh diri dengan menggunakan racun dalam kitabnya *Fath al-Bari*. Beliau berpandangan bahawa, tidaklah haram secara mutlak walaupun sekadar meminum racun kerana ia boleh sahaja

digunakan sedikit jika diramu dengan zat lain yang mampu menolak mudaratnya. Ibnu Hajar al-Asthqalani menukilkan pandangan Ibnu Baththal, Ibnu Abi Syaybat dan selainnya yang mana mereka telah meriwayatkan bahawa Khalid bin al-Walid ketika masuk ke *Hirah*, beliau telah meminum racun yang telah dibawa kepadanya apabila diminta agar beliau berwaspada dengan kaum *A'jam (non-Arab)*. Namun begitu, apabila Khalid bin al-Walid menelannya, maka tidaklah mendatangkan mudarat kepadanya seakan-akan Imam Bukhari mengisyaratkan bahawa keselamatan tersebut terjadi sebagai *karamat* bagi Khalid bin al-Walid, bahkan tidak boleh dijadikan dalil supaya tidak mengakibatkan kebinasaan seseorang. Pandangan ini diperkuatkan lagi oleh hadis Abu Hurayrat pada bab tersebut. Mungkin Khalid bin al-Walid memiliki perjanjian tersendiri dengan Nabi SAW dalam hal itu sehingga berani berbuat demikian. Zulkifli al-Bakri (2016) menukilkan pandangan Qadhi 'Iyad bahawa sesiapa yang membunuh dirinya sendiri dengan sesuatu, dia akan diazab dengan sesuatu tersebut dalam neraka dan dia tidak akan memasuki syurga kecuali dirinya muslim. Qadhi 'Iyad menyebut bahawa orang yang membunuh diri akan memasuki neraka dalam tempoh yang panjang, akan tetapi bukannya kekal di dalam neraka selama-lamanya.

Hal ini membuktikan bahawa konsep *Hifz al-Nafs* yang ingin diketengahkan daripada dalil ini ialah merujuk kepada larangan Nabi SAW untuk membunuh diri manusia dengan pelbagai cara. Jika merujuk kepada teks hadis di atas, Nabi SAW amat milarang keras umatnya melakukan perkara-perkara yang boleh meragut nyawa manusia itu sendiri seperti, menusuk diri sendiri dengan besi, meminum racun dan menjatuhkan diri dari gunung. Semua perbuatan ini adalah termasuk di bawah perkara-perkara yang membunuh diri manusia. Bunuh diri adalah suatu tindakan tercela yang disengajakan mematikan diri sendiri dengan berbagai cara. Perbuatan ini adalah satu tindakan mendahului takdir kematian yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Oleh kerana besarnya dosa akibat perbuatan tersebut, maka tempat kembali orang yang melakukannya adalah neraka Jahanam.

Zarkashi Mubhar (2019) menukilkan pandangan Nayif al-Syuhud bahawa tindakan bunuh diri termasuk perkara keji dan perbuatan menghancurkan. Tindakan ini sangat dibenci oleh Allah SWT dan berdosa besar apabila dilakukan malah akan disumbatkan ke dalam neraka (Khairul Hamimah & Faridah 2017). Oleh yang demikian, sekiranya terdapat perkara-perkara yang mengundang kepada terkorbannya nyawa dan tidak disebut di dalam teks hadis di atas, ia adalah harus diciptakan kerana matlamat utama contoh-contoh itu dibawa adalah demi menjaga nyawa manusia itu sendiri. Al-Syatibi (1997) menyatakan bahawa semua ajaran yang ditetapkan oleh Islam itu adalah untuk menjaga kemaslahatan yang lima. Sesungguhnya dalil ini sebagai bukti bahawa Nabi SAW amat menyayangi umatnya dan milarang umatnya untuk membunuh diri demi menyelamatkan nyawa.

Kesemua tiga dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah yang telah dianalisis dalam menyelusuri konsep *Hifz al-Nafs* ini merupakan larangan Allah SWT terhadap membunuh diri manusia itu sendiri yang disebut secara jelas oleh Allah SWT. Selain daripada itu juga, Allah SWT turut memperingatkan hambanya tentang hukuman qisas yang menjadi balasan di dunia Allah SWT ini kepada hambanya yang membunuh. Seterusnya kajian ini menganalisis dua dalil yang mana Allah SWT telah menghuraikan tentang hukuman bunuh itu sendiri. Kedua-dua dalil ini adalah

daripada al-Quran iaitu surah al-Baqarat (ayat: 178) dan surah al-Ma'idat (ayat: 45). Walaupun Allah SWT tidak menyebut secara jelas di dalam kedua-dua dalil ini tentang larangan membunuh diri manusia itu, namun dengan memperingatkan hukuman qisas kepada pembunuhan itu sekali gus memberikan maksud tersirat bahawa Allah SWT melarang perbuatan membunuh diri manusia. Oleh itu, kajian ini mulakan dengan dalil pertama berkaitan dengan hukuman membunuh itu sendiri seperti firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarat (ayat: 178).

#### **4. Surah al-Baqarat (Ayat: 178)**

Konsep *Hifz al-Nafs* dianalisis dalam kajian ini daripada surah al-Baqarat (ayat: 178) yang mana Allah SWT telah berfirman dengan maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan ke atas kamu (melaksanakan) qisas berkenaan dengan orang yang dibunuh. Orang merdeka dengan orang merdeka, hamba sahaya dengan hamba sahaya, perempuan dengan perempuan. Tetapi barang sesiapa memperoleh maaf daripada saudaranya, hendaklah dia mengikutinya dengan baik, dan membayar *diyat* (tebusan) kepadanya dengan baik (pula). Yang demikian itu adalah keringanan dan rahmat daripada Tuhanmu. Barang sesiapa melampaui batas setelah itu, maka ia akan mendapat azab yang sangat pedih”. (Q.S. Al-Baqarat: 2: 178)

Merujuk kepada dalil di atas, Ibnu Kathir (2003) menjelaskan bahawa sebab turunnya ayat ini adalah daripada kisah perperangan yang berlaku di antara dua kumpulan masyarakat Arab pada zaman Jahiliah. Mereka bersumpah untuk tidak melakukan hukuman qisas setelah berlakunya pembunuhan dan luka-luka dalam kalangan mereka. Maka Allah SWT menurunkan ayat ini sebagai perintah untuk melakukan hukuman tersebut. Kenyataan ini disokong oleh Sayyid Qutb (2008) dalam kitabnya *Tafsir fi Zilalil Quran*, yang mana beliau menjelaskan bahawa pembunuhan yang dibicarakan dalam ayat ini ialah “*al-hur bi al-hur*”, iaitu orang merdeka yang dibunuh oleh satu pihak, maka balasannya ialah harus dibunuh seorang yang merdeka daripada kalangan pembunuhan. Hukuman tersebut adalah sama jika pembunuhan itu melibatkan budak dan wanita. Namun begitu, Islam telah menganjurkan pertimbangan dalam hukuman tersebut sekiranya mendapat kemaafan daripada ahli keluarga yang terbunuh dengan membayar *diyat* dan sifat maaf itu tidaklah boleh dipaksa (Quraysy Syihab 2001). *Diyat* merupakan bayaran yang dikenakan terhadap pesalah dalam kes-kes kematian atau kecederaan dalam sistem perundangan Islam. Ia seolah-olah dijadikan sebagai hukuman alternatif kepada hukuman qisas (Paizah Ismail 2012).

Hal ini membuktikan bahawa konsep *Hifz al-Nafs* yang ingin diketengahkan daripada dalil ini ialah merujuk kepada peringatan Allah SWT tentang hukuman qisas ke atas pembunuhan diri manusia itu sendiri. Dalil ini didatangi dengan maksud tersirat kepada hambanya untuk menjaga nyawa orang lain kerana pembalasan Allah SWT itu adalah pasti dengan hukuman qisas. Ia sebagai amaran yang keras supaya hambanya sentiasa menjaga diri antara mereka. Hukuman qisas bukanlah bukti bahawa Allah SWT itu zalim tetapi itu merupakan peringatan tegas daripada Allah SWT. Atas sebab itulah, jika dilihat dalam ayat yang lain bahawa Allah SWT turut melarang hambanya melakukan hukuman qisas secara malampaui batas. Allah SWT

turut memberikan kelonggaran sekiranya perbuatan itu dimaafi oleh ahli waris, maka dibolehkan ke atas pembunuhan untuk membayar *diyat* iaitu tebusan. Hal ini pernah berlaku ketika pertempuran yang melibatkan pembunuhan antara bani *Qurayzat* dan bani *Nadir* apabila tebusan dibayar dengan seratus wasak menyamai 108kg kurma (Ibnu Kathir 2003). Permohonan maaf ini diajukan oleh pembunuhan sendiri atau keluarganya kepada waris yang terbunuuh. Jika pihak keluarga yang terbunuuh itu memilih untuk memaafkan pelaku, maka bagi pelaku itu adalah wajib untuk membayar *diyat* seperti ketetapan yang telah ditentukan oleh hukum Islam (Muhammad Ihsan 2017). Hal ini merupakan salah satu bukti sayang Allah SWT kepada hambanya. Sesungguhnya dalil ini melarang umatnya untuk membunuhan diri manusia demi menyelamatkan nyawa walaupun dihadiri dengan maksud yang tersirat.

### 5. Surah al-Ma’idat (Ayat: 45)

Seterusnya kajian ini turut menganalisis konsep *Hifz al-Nafs* yang terdapat dalam surah al-Ma’idat (ayat: 45) yang bermaksud:

“Kami telah menetapkan bagi mereka di dalamnya (Taurat) bahawa nyawa (dibalas) dengan nyawa, mata dengan mata, hidung dengan hidung, telinga dengan telinga, gigi dengan gigi, dan luka-luka (pun) ada qisas nya (balasan yang sama). Barang sesiapa melepaskan (hak qisas)nya, maka itu (menjadi) penebus dosa baginya. Barang sesiapa tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah SWT, maka mereka itulah orang-orang zalim”. (Q.S. Al-Ma’idat: 5: 45)

Merujuk kepada dalil di atas, al-Suyuti (1990) menjelaskan bahawa hukuman qisas itu adalah wajib kerana ia tetap ditaqrirkan dalam pensyariatan walaupun ayat tersebut berada dalam konteks yang berbeza, iaitu pensyariatan yang terdapat dalam kitab Taurat. Ia bermaksud bahawa hukuman qisas itu dilaksanakan padanya hukuman balas seperti tangan, kaki, kemaluan dan sebagainya. Menurut Ibnu Rusyd (1996) dalam kitabnya *Bidayat al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid*, beliau membuat dua kesimpulan daripada ayat di atas iaitu pertama, qisas itu merupakan hukuman utama terhadap pembunuhan dan penganiaya. Adapun kedua ialah qisas itu dapat digantikan dengan hukuman *diyat* apabila diberikan kemaafan oleh ahli keluarga yang dibunuuh, dengan syarat mereka mestilah baligh dan tamyiz. Namun begitu, Mutawalli al-Sya‘rawi (1991) mentafsirkan bahawa jumlah *diyat* itu haruslah dibayar dengan kadar angka yang sesuai dan ia mestilah mendapat restu ahli keluarga yang dibunuuh. Ia bertujuan agar *diyat* yang disempurnakan itu mampu memberikan maslahat kepada ahli keluarga yang dibunuuh bersesuaian dengan perbuatan yang telah dilakukannya. Sesungguhnya penegasan Allah SWT dalam ayat ini merupakan amaran yang menjadi satu kewajipan ke atas hambanya untuk menjalankan hukum yang diturunkan Allah SWT agar terhindar daripada kejahanan (Mashur 2020).

Hal ini membuktikan bahawa konsep *Hifz al-Nafs* yang ingin diketengahkan daripada dalil ini ialah merujuk kepada peringatan Allah SWT tentang hukuman qisas ke atas pembunuhan diri manusia itu sendiri. Hukuman yang Allah SWT telah zahirkan ke atas pembunuhan dalam ayat ini adalah balasan nyawa dengan nyawa, hidung dengan hidung, mata dengan mata, telinga

dengan telinga, gigi dengan gigi dan luka-luka juga termasuk daripada qisasnya. Menurut al-Sabuni (2011) bahawa ayat ini diturunkan adalah rentetan daripada kisah seorang hamba yang disegani dari sebuah perkampungan dibunuh pada zaman Jahiliah. Mereka telah melakukan kekhilafan dalam hukuman balas sehingga ayat ini diturunkan sebagai satu peringatan. Hal ini merupakan peringatan tegas daripada Allah SWT agar hambanya sentiasa memelihara diri antara mereka. Allah SWT turut memberikan kelonggaran bagi melepaskan hak qisas itu sebagai penebus dosa dalam ayat ini. Hal ini merupakan salah satu bukti sayang Allah SWT kepada hambanya. Sesungguhnya dalil ini melarang umatnya untuk membunuh diri manusia demi menyelamatkan nyawa walaupun dihadiri dengan maksud yang tersirat.

## KESIMPULAN

Secara tuntasnya, kesemua pendalilan yang telah dianalisis pengkaji dalam artikel ini menunjukkan bahawa asas teori *Hifz al-Nafs* itu adalah demi untuk menyelamatkan nyawa. Hal ini bererti bahawa teori ini merupakan skop menjaga diri yang berada di bawah dimensi jasmani. Sekiranya skop ini tidak dijaga dengan baik, ia pasti akan memberikan kesan kepada nyawa manusia serta-merta. Oleh sebab itu, perintah syarak memperingati hambanya tentang hukuman dalam pensyiaran sekiranya skop ini tidak dijaga. Jika dirujuk kepada dalil-dalil yang telah dianalisis, terdapat lima dalil yang berada di bawah skop ini. Oleh itu, tidak peliklah *Hifz al-Nafs* itu diterjemahkan oleh ilmuan-ilmuan klasik dengan menjaga nyawa demi menyampaikan maksud *Maqasid Syari‘at* daripada dalil-dalil tersebut.

Daripada lima dalil yang dianalisis berkaitan dengan teori *Hifz al-Nafs* daripada dimensi jasmani demi menyelamatkan nyawa ini, terdapat tiga dalil daripadanya berkaitan larangan Allah SWT untuk membunuh diri manusia. Dua dalil tersebut adalah daripada al-Quran iaitu daripada surah al-Nisa’ (ayat: 93) dan surah al-Isra’ (ayat: 31). Adapun satu dalil tersebut pula adalah daripada al-Sunnah iaitu hadis riwayat Bukhari (no: 5778) & Muslim (no: 109). Selain daripada dalil-dalil yang berkaitan larangan Allah SWT untuk membunuh diri manusia ini, terdapat juga dua dalil daripadanya berkaitan tentang hukuman Allah SWT ke atas pembunuhan demi menyelamatkan diri manusia itu sendiri. Dua dalil tersebut adalah daripada surah al-Baqarat (ayat: 178) dan surah al-Ma’idat (ayat: 45). Kajian ini mencadangkan agar pendalilan *Hifz al-Nafs* itu diperluaskan lagi perbincangannya agar ia dapat membawa suatu konsep baharu selain menyelamatkan nyawa yang berada di bawah dimensi jasmani.

## BIBLIOGRAFI

- Abu Dardaa, M., Salasiah Hanin, H., Ahmad Irdha, M. & Mohamad Zulkifli, A. G. (2017). *Tazkiyat al-Nafs dalam Kerangka Maqasid Syari'at*. Jurnal al-Hikmah. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Abu Rayya. (2012). *Towards A Systematic Quranic Theory of Personality*. n.d. Mental Health, Religion & Culture.
- Afridawati. (2015). *Stratifikasi al-Maqasid al-Khamsat (Agama, Jiwa, Akal, Keturunan dan Harta) dan Penerapannya dalam Maslahat*. Jurusan Syari'ah dan Ekonomi Islam, Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN), Kerinci.
- Al-Asthqalani, I. H. (2011). *Fath al-Bari*. 1<sup>st</sup> ed. Pustaka Azzam.
- Al-Juwayni, A. M. (2003). *Mughith al-Khalq fi Tarjih al-Qawl al-Haq*. n.d. Al-Matba 'at al-'Asyriat, Beirut.
- Al-Maraghi, A. M. (2001). *Tafsir al-Maraghi*. Dar al-Fikr, Beirut.
- Al-Qurtubi. (2006). *Tafsir al-Qurtubi*. (Hifnawi, M. I., Trans.). 2<sup>nd</sup> ed. Pustaka Azzam.
- Al-Sabuni. M. A. (2011). *Safwat al-Tafasir*. (KH. Yasin. Trans.). 1<sup>st</sup> ed. Pustaka al-Kauthar, Jakarta.
- Al-Suyuti, J. (1990). *Tafsir al-Jalalayn*. (Abu Bakar, B., Trans.). 1<sup>st</sup> ed. Sinar Baru Algensindo, Bandung.
- Al-Sya'rawi, M. (1991). *Tafsir al-Sya'rawi*. 1<sup>st</sup> ed. Al-Yawm, Mesir.
- Al-Syatibi, A. I. (1997). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'at*. n.d. Dar al-Ma'rifat, Beirut.
- Al-Tabari. (2007). *Tafsir al-Tabari*. (Abdurraziq al-Bakri, Trans.). 1<sup>st</sup> ed. Pustaka Azzam.
- Al-Zuhayli, W. (2016). *Tafsir al-Munir*. (Al-Kattani, A. H., Trans.). 2<sup>nd</sup> ed. Gema Insani, Jakarta.
- Budiman. (2018). *Tinjauan Maqasid Syari'at pada Pasal 56 & 57 Kompilasi Hukum Islam tentang Izin Poligami*. Isti'dal: Jurnal Studi Hukum Islam. Universitas Islam Nahdlatul Ulama Jepara.
- Ibnu 'Asyur, M. T. (1984). *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*. 1<sup>st</sup>. Dar al-Tunisiyat.
- Ibnu Kathir, F. (2003). *Tafsir Ibnu Kathir*. (Ishaq, M. A., Trans.). 1<sup>st</sup> ed. Pustaka Imam Syafii.
- Ibnu Rusyd, W. M. (1996). *Bidayat al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid*. 1<sup>st</sup> ed. Matba'at al-Kuliyyat al-Azhariyat, Kaherah.
- Imaning Yusuf. (2013). *Pembunuhan dalam Perspektif Hukum Islam*. Jurnal Kajian Syari'at dan Masyarakat, Vol. 13 No. 2. IAIN Raden Fatah.
- Khairul Hamimah, M. J. & Faridah, C. H. (2017). *Bunuh Diri: Tekanan, Desakan atau Kecelaruan*. Majalah Dakwah. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Khatijah, I. & Ridzwan, A. (2017). *Analisis Konflik Pro-Life dan Pro-Choice Isu Pengguguran Terapeutik Dari Aspek Menjaga Nyawa Menurut al-Quran*. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri. Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).
- Krippendorff. (2004)., & White. & Marsh. (2006). *Content Analysis: a Flexible Methodology*. 1<sup>st</sup> ed. Library Trend, University of Illinois at Urbana Champaign.
- Mashur. (2020). *Filsafat Ekonomi Islam*. Lakeisha.
- Mohamad, A. D., Hamjah, S. H., Mokhtar, A. I., & Abd Ghani, M. Z. (2017). *Tazkiyat al-Nafs dalam Kerangka Maqasid Syari'at*. Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Mohd Azman, F. N. (2016). *Nilai-Nilai Kerohanian dalam Pembangunan Modal Insan menurut al-Ghazali*. Jurnal Of Islamic And Civilisational Studies. Vol. 3 No. 1. Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

- Muhammad Ihsan. (2017). *Diyat sebagai Pengganti Qisas pada Jarimah Pembunuhan sebab Pemaafan*. Jurnal Perundangan Undangan dan Hukum Pidana Islam. 1(2) 79-94, 30 Oktober 2017. Kampus IAIN Zawiyah Cot Kala Langsa.
- Muslim, M. S. (2016). *Varian-Varian Paradigma, Pendekatan, Metode, dan Jenis Penelitian dalam Ilmu Komunikasi*. Wahana. Vol. 1 No. 10. Universitas Pakuan, Indonesia.
- Mustaqim Roslan, M. (2023). *Hifz al-Nafs dalam Fatwa Penamaan Nasab Anak Tak Sah Taraf di Malaysia: Analisis Kesan Psikologi dan Masalah Sosial*. (Postgraduate Thesis). Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Kuala Kangsar – Perak Darul Ridzuan.
- Paizah, I. (2013). *Anak Tak Sah Taraf dari Perspektif Syariah dan Perundangan Islam di Malaysia*. Jurnal Fiqh. No.10 (2013): 77-90. Konsultan Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM).
- Quraysy Syihab, M. (2001). *Tafsir al-Misbat Pesan, Kesan dan Keserasian al-Quran*. Lentera Hati.
- Sayyid Qutb. (2008). *Tafsir fī Zilal al-Quran*. 1<sup>st</sup> ed. Gema Insani Press.
- Zarkashi Mubhar. (2019). *Bunuh Diri dalam al-Quran: Kajian Tahlili Surah al-Nisa' 29-30*. Vol. 4 No. 1. Institusi Agama Islam Muhammadiyah Sinjal Sultan Hasanuddin.
- Zulkifli al-Bakri. (2016). *Bayan Linnas*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.